



**PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

KENYATAAN MEDIA

**JAWATANKUASA PILIHAN ALAM SEKITAR, SAINS DAN
PERLADANGAN BERHUBUNG ISU TIGA EKOR GAJAH KE
TENNOJI ZOO DI OSAKA, JEPUN**

Jawatankuasa Pilihan Alam Sekitar, Sains dan Perladangan, Dewan Rakyat pada Isnin, 11 Mei 2026 telah mengadakan satu mesyuarat di Parlimen Malaysia. Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:

- 1. YB Datuk Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim**
Ahli Parlimen Kuala Terengganu
merangkap Pengerusi JKP Alam Sekitar, Sains dan Perladangan
- 2. YB Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien**
Ahli Parlimen Julau
merangkap Naib Pengerusi JKP Alam Sekitar, Sains dan Perladangan
- 3. YB Dato' Ngeh Koo Ham**
Ahli Parlimen Beruas
- 4. YB Puan Rodiyah binti Sapiee**
Ahli Parlimen Batang Sadong
- 5. YB Tuan Kesavan a/l Subramaniam**
Ahli Parlimen Sungai Siput
- 6. YB Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man**
Ahli Parlimen Kubang Kerian
- 7. YB Dato' Azman bin Nasrudin**
Ahli Parlimen Padang Serai
- 8. YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar**
Ahli Parlimen Batu Pahat

9. YB Puan Young Syefura binti Othman

Ahli Parlimen Bentong

10. YB Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin

Ahli Parlimen Tangga Batu

11. YB Tuan Chow Yu Hui

Ahli Parlimen Raub

12. YB Puan Vivian Wong Shir Yee

Ahli Parlimen Sandakan

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh delegasi Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) yang diketuai oleh YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) serta delegasi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia yang diketuai oleh YBhg. Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim, Ketua Pengarah PERHILITAN Semenanjung Malaysia. Turut hadir adalah barisan ex-officio daripada Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), serta Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Agenda utama mesyuarat ini adalah untuk mendapatkan taklimat serta penjelasan daripada NRES dan PERHILITAN berhubung kronologi dan isu-isu berkaitan pemindahan tiga ekor gajah Asia milik Zoo Taiping dan Night Safari iaitu Dara, Amoi dan Kelat (DAK) ke Tennoji Zoo, Osaka, Jepun. Jawatankuasa memandang serius berhubung perkara ini yang sedang menjadi perbincangan hangat dan keresahan dalam kalangan masyarakat.

Dalam sesi ini, pihak NRES dan Jabatan PERHILITAN telah memberikan taklimat mengenai kronologi pemindahan, pematuhan dari aspek perundangan dan isu keselamatan logistik serta fasiliti yang disediakan di Tennoji Zoo, Osaka. Selain itu, Jawatankuasa juga turut dimaklumkan mengenai isu kesihatan dan kebajikan DAK. Jawatankuasa mengambil maklum terhadap penerangan komprehensif yang telah diberikan oleh pihak NRES dan Jabatan PERHILITAN.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa masih memerlukan beberapa maklumat tambahan yang lebih terperinci termasuk meneliti dokumen perjanjian di antara Zoo Taiping dan Night Safari dan Zoo Tennoji Osaka bagi memahami obligasi kedua-dua pihak. Selain itu, Jawatankuasa juga berpendapat bahawa satu tinjauan secara fizikal ke lokasi tersebut wajar dipertimbangkan bagi melihat sendiri keadaan gajah-gajah berkenaan. Langkah ini amat penting bagi memastikan setiap keputusan yang diambil selepas ini didasari oleh fakta yang tepat serta dapat memberikan keyakinan sepenuhnya kepada rakyat.

Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa, NRES, Jabatan PERHILITAN serta semua wakil kementerian atas komitmen yang tinggi kepada Jawatankuasa ini dalam memainkan peranan semak dan imbang kepada Parlimen.

- TAMAT -